

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 JUN 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25

Dasar lebih komprehensif bangun ekosistem firma pemula

Dasar lebih komprehensif bangun ekosistem firma pemula

Malaysia bakal mengumumkan dasar lebih komprehensif dalam membangunkan ekosistem syarikat pemula di negara ini dan menjadikannya hab digital berdaya saing dengan negara serantau.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata langkah pertama ke arah mencapai matlamat itu adalah bekerjasama dengan tiga kementerian utama lain yang terbabit di dalam ekosistem ekonomi digital.

Rafizi berkata, ia membabitkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Komunikasi dan Digital dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).

"Menjelang Ogos ini, kita dapat memberi gambaran jelas mengenai hala tuju syarikat pemula dan keseluruhan ekosistem digital.

"Kita akan lebih fokus untuk kerjasama dengan tiga agensi ini dulu kerana mereka ini bertanggungjawab dalam pembangunan ekosistem digital," katanya kepada media pada acara sembang santai bersama Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP), di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi MAVCAP, Tunku Alizakri Alias dan Ketua Pegawai Eksekutif MAVCAP, Shahril Anas Hasan Aziz.

Rafizi berkata, pelaksanaan menyeluruh akan dibuat secara berperingkat untuk membina momentum dalam industri ini bagi memastikan pelaksanaan mempunyai kesan terhadap ekosistem digital termasuk syarikat pemula.

"Jika tidak ia hanya pengumuman sahaja dan tiada manfaat. Oleh itu, semua agensi terbabit perlu duduk berbincang dan mencari penyelesaian terbaik kerana ia bukan hanya berkenaan duit, malah turut menyentuh banyak isu lain.

"Oleh itu, dapat saya katakan pemain syarikat pemula boleh menjangkakan sesuatu yang menarik dalam tempoh beberapa bulan akan datang," katanya.

Sementara itu, Rafizi berkata, semua agensi dan penyedia ekosistem digital sedang bekerjasama dalam membuat perancangan terbaik dan tidak mustahil Malaysia dapat melangkah lebih cepat mencapai apa yang disasarkan dalam menjadi pilihan hab digital serantau.

"Situasi sekarang ini, di mana pelabur digital asing ramai yang memilih untuk melabur di Singapura dan Indonesia, adalah di luar kawalan dan jangkaan.

"Walaupun begitu, dalam tempoh setahun lagi lebih banyak perkara menarik yang dapat diwujudkan dan kita mahu menjadikan Malaysia sebagai hab pilihan pelabur digital asing," katanya.